



Biodata Ringkas

*Al-Imam al-Hafizh al-Mujawwid
al-Hujjah ash-Shadiq*

**IMAM
MUSLIM**

رَحْمَةُ اللَّهِ

Disediakan oleh:
Al-Faqir ilallahil Qadir
Ustaz Muhadir Haji Joll,
27 November 2025, Masjid Putra, Putrajaya.

NAMA

الإمام أبو الحسين، مسلم بن
الحجاج بن مسلم بن ورد بن
كوشاذ القشيري النيسابوري.

**Al-Imam Abu al-Husain, Muslim bin Al-
Hajjaj bin Muslim bin Warad bin Kausyaz
al-Qusyairi** (nisbah nasab Arab) **an-Naisaburi**
(nisbah tempat lahir, Naisabur, Khurasan, Iran).

(Lihat *Siyar A'lam an-Nubala'*, 12/558.)

KELAHIRAN

Khilaf:

1. 206H (Lebih masyhur.)

(Lihat *Syarh Shahih Muslim*, 1/123, *Wafayat al-A'yan*, 5/195 & *Shiyanah Shahih Muslim*, ms. 62.).

2. 204H

(Lihat *Tazkirah al-Huffazh*, 2/125, *Siyar A'lam an-Nubala'*, 12/558, *Al-Bidayah wa an-Nihayah*, 11/41, *Taqrib at-Tahzib*, ms. 529 & *An-Nujum az-Zahirah*, 3/33.)

PERJALANAN BELAJAR & MENCARI HADIS

Mula belajar, mendengar & mengumpulkan hadis sejak tahun 218H daripada gurunya, **Imam Yahya bin Yahya at-Tamimi**, ketika berumur 12 tahun. (Lihat *Siyar A'lam an-Nubala'*, 12/558 & *Tazkirah al-Huffazh*, 2/125.)

Antara guru-guru hadis beliau di Naisabur: termasuklah **Imam Yahya bin Yahya & Imam Ibnu Rahawaih**, di Iraq: **Imam Ahmad bin Hanbal & Imam Abdullah bin Maslamah**, di Ray: **Imam Muhammad bin Mihran**, di Hijaz: **Imam Sa'id bin Manshur & Imam Abu Mush'ab** dan di Mesir: **Imam Amru bin Sawad & Imam Harmalah bin Yahya** (murid Imam Syafi'i). **Imam Al-Bukhari** juga adalah salah seorang gurunya. (Lihat *Al-Manhal al-Lathif*, Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki, ms. 260.)

GURU-GURU

1. **Imam Abdullah bin Maslamah al-Qa'nabi (221H)**
2. **Imam Yahya bin Yahya at-Tamimi an-Naisaburi (226H)**
3. **Imam Ahmad bin Yunus at-Tamimi (227H)**
4. **Imam Sa'id bin Manshur (227H)**
5. **Imam Ali bin Al-Ja'd (230H)**
6. **Imam Ishaq bin Rahawaih an-Naisaburi (238H)**
7. **Imam Muhammad bin Mihran al-Jammal (239H)**

8. **Imam Qutaibah bin Sa'id ats-Tsaqafi (240H)**
9. **Imam Ahmad bin Hanbal (241H)**
10. **Imam Abu Mush'ab az-Zuhri (242H)**
11. **Imam Harmalah bin Yahya (243H) (murid Imam Syafi'i di Mesir)**
12. **Imam Amru bin Sawad (245H)**
13. **Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari (Imam Al-Bukhari) (256H)**
14. **Imam Abu Ghassan, Muhammad bin Amru Zaniya ath-Thayalisi ar-Razi**
& ramai lagi.

MURID

1. **Imam Ali bin Hasan al-Hilali (267H)**
2. **Imam Muhammad bin Abdul Wahab al-Farra' (272H)**
3. **Imam Abu Hatim ar-Razi (277H)**
4. **Imam At-Tirmizi (279H)**
5. **Imam Ahmad bin Al-Mubarak al-Mustamli**
(dikenal dengan "*Hamkawaih*") (284H)
6. **Imam Ahmad bin Salamah (286H)**

7. **Imam Husain bin Muhammad al-Qabbani**
(289H)
8. **Imam Ali bin Al-Husain bin Al-Junaid**
(291H)
9. **Al-Hafizh al-Imam Sa'id bin Amr al-Barza'i**
(292H)
10. **Al-Hafizh al-Imam Salih bin Muhammad**
(dikenal dengan "*Jazarah*") (293H)
11. **Al-Hafizh al-Imam Nashr bin Ahmad**
(dikenal dengan "*Nashrak*") (293H)

- 12. Imam Musa bin Harun (294)**
- 13. Imam Ibrahim bin Abu Thalib (295H)**
- 14. Imam Abu Amr al-Khaffaf (299H)**
- 15. Imam Ibnu Khuzaimah (311H)**
- 16. Imam Abu Abbas as-Siraj (313H)**
- 17. Imam Abu Awanah al-Isfayarini (316H)**
- 18. Imam Makki bin Abdan an-Naisaburi (325H)**
- 19. Imam Abu Hamid bin Syarqi (325H)**

& ramai lagi.

PEKERJAAN

Seorang peniaga pakaian
& mempunyai beberapa
kebun di Ustu, Naisabur.

SIFAT & PENAMPILAN

Imam Al-Hakim (405H) berkata:

كان تام القامة، أبيض الرأس واللحية،
يرخي طرف عمامته بين كتفيه.

“Beliau memiliki bentuk tubuh yang sempurna, rambut dan jangut yang putih, beliau melepaskan ekor serbannya di antara dua bahunya.”

(Lihat ***Tahzib at-Tahzib***, 10/127.)

Imam Abu Abdur Rahman as-Sulami
(412H) berkata:

رَأَيْتُ شَيْخًا حَسَنَ الْوَجْهِ وَالثِّيَابِ، عَلَيْهِ
رِدَاءٌ حَسَنٌ، وَعِمَامَةٌ قَدْ أَرْخَاهَا بَيْنَ كَتِفَيْهِ.

“Aku telah melihat seorang Syaikh, yang berwajah tampan, berpakaian kemas, memakai rida’ yang bagus dan serban yang beliau lepaskan hujung serbannya di antara dua bahunya.”

(Lihat ***Siyar A’lam an-Nubala’***, 12/566.)

Imam Az-Zahabi (748H) menyebutkan:

وقد عرف الإمام رحمه الله بحسن
الخلق، والجود والسخاء، حتى قيل
عنه "محسن نيسابور".

“Sesungguhnya Al-Imam (Muslim) رَحْمَةُ اللَّهِ
dikenal dengan akhlak yang baik, pemurah
dan dermawan sehingga dikatakan (digelar)
tentangnyadengan ‘*Muhsin Naisabur*’ (orang
yang dermawan daripada Naisabur)”.

(Lihat ***Al-‘Ibar fi Khabar man Ghabar***, 1/375.)

Imam Az-Zahabi berkata:

وكان صاحب تجارة، وكان محسن
نيسابور، وله أملاك وثروة.

“Beliau seorang peniaga dan seorang dermawan daripada Naisabur. Beliau mempunyai ramai budak (orang suruhan) dan harta.”

(Lihat ***Al-'Ibar***, 2/29.)

KARYA

Antaranya:

1. ***Shahih Muslim*** (mengambil masa 15 tahun untuk menulisnya, bermula tahun 235H ketika berumur 29 tahun & selesai pada tahun 250H ketika berumur 44 tahun)
2. ***Al-Musnad al-Kabir 'ala Asma' ar-Rijal***
3. ***Al-Jami' al-Kabir 'ala al-Abwab***
4. ***Al-Asma' wa al-Kuna***
5. ***Al-'Ilal***
6. ***Auham al-Muhadditsin***
7. ***At-Tamyiz***

8. ***Al-Wahdan***
9. ***Al-Afrad***
10. ***Al-Aqran***
11. ***Man laisa lahu illa Rawin Wahidin***
12. ***Thabaqat at-Tabi'in***
13. ***Al-Mukhadramun***
14. ***Su'alat Imam Muslim li al-Imam Ahmad***
15. ***Al-Intifa' bi Uhub as-Siba'***
16. ***Masyaikh Malik***
17. ***Masyaikh ats-Tsauri***
18. ***Masyaikh Syu'bah***
19. ***Aulad ash-Shahabah***
20. ***Afrad asy-Syamiyyin & lain-lain***

PUJIAN ULAMA'

1. **Imam Al-Khathib** menukilkan daripada **Imam Al-Husain bin Manshur** berkata:

سمعت إسحاق بن إبراهيم الحنظلي (ابن راهويه)،
وذكر مسلم بن الحجاج، فقال: "مردا كابين بوذ"،
قال المنكدری تفسیره: أي رجل كان هذا؟

"Aku telah mendengar **Ishaq bin Ibrahim al-Hanzhali (Imam Ibnu Rahawaih)** (238H) dan beliau menyebutkan tentang Muslim bin Al-Hajjaj, lalu katanya, 'مردا كابين بوذ' (Imam) Al-Munkadiri menyebutkan tafsirnya (ertinya), '*Lelaki jenis apakah ini*'? (menunjukkan kekagumannya dengan kedalaman pengetahuannya dalam ilmu hadis." (Lihat **Tarikh Baghdad**, 15/121.)

2. Imam Ishaq bin Manshur (251H) berkata kepada Imam Muslim:

لن نعدم الخير ما أبقاك الله للمسلمين.

“Kami sekali-kali tidak akan kehilangan kebaikan selama mana Allah mengekalkan (menghidupkan) kamu untuk orang Islam.” (Lihat ***Tahzib al-Kamal***, 27/105, ***Al-Bidayah wa an-Nihayah***, 11/40 & ***Shiyanah Shahih Muslim***, ms. 62.)

3. **Imam Muhammad bin Basysyar (252H)** (guru kepada Imam Al-Bukhari) berkata:

حفاظ الدنيا أربعة: أبو زرعة بالري، ومسلم
بنيسابور، وعبد الله الدارمي بسمرقند،
ومحمد بن إسماعيل ببخارى.

“Para huffazh dunia ada 4 iaitu Abu Zur’ah daripada Ar-Ray, Muslim daripada Naisabur, Abdullah ad-Darimi daripada Samarqand dan Muhammad bin Ismail daripada Bukhara.” (Lihat ***Siyar A’lam an-Nubala’***, 12/564, ***Tahzib at-Tahzib***, 10/128, ***Tarikh Baghdad***, 2/16 & ***Tarikh Dimasyq***, 58/89.)

4. Imam Muhammad bin Abdul Wahhab al-Farra' (272H) berkata:

كان مسلم بن الحجاج من علماء
الناس، ومن أوعية العلم.

“Muslim bin Al-Hajjaj termasuk ulama’ kepada manusia dan termasuk wadah ilmu.” (Lihat ***Siyar A’lam an-Nubala’***, 12/579.)

5. Imam Ibnu Abu Hatim (277H) berkata:

كان ثقة من الحفاظ، كتبت عنه
بالري. قال أبي: صدوق.

“Beliau adalah seorang yang tsiqah di kalangan huffazh. Aku telah menulis daripadanya di Ray. Bapaku berkata, ‘Beliau seorang yang shaduq (benar, diterima periwayatannya).’” (Lihat **Tazkirah al-Huffazh**, 2/126 & **Al-Jarh wa at-Ta’dil**, 8/182, 183.)

6. **Imam Ahmad bin Salamah (286H)** berkata:

رَأَيْتُ أَبَا زُرْعَةَ وَأَبَا حَاتِمٍ يَقْدِمَانِ مُسْلِمَ بْنَ الْحَجَّاجِ
فِي مَعْرِفَةِ الصَّحِيحِ عَلَى مَشَايِخِ عَصْرِهِمَا .

“Aku telah melihat Abu Zur’ah dan Abu Hatim mengkedepankan (pendapat) Muslim bin Al-Hajjaj dalam mengetahui hadis shahih daripada Masyaikh lain ketika masa keduanya.” (Lihat ***Tahzib al-Kamal***, 27/506.)

7. **Imam Abu Bakar bin Al-Jarudi (291H)** berkata:

حدثنا مسلم بن الحجاج، وكان من أوعية العلم.

“Muslim bin Al-Hajjaj telah meriwayatkan hadis kepada kami dan beliau termasuk wadah ilmu.”

(Lihat ***Tahzib at-Tahzib***, 10/128.)

8. Imam Ibnu Al-Akhrām (344H) berkata:

إنما أخرجت مدينتنا هذه من رجال الحديث ثلاثة:
محمد بن يحيى، وإبراهيم بن أبي طالب، ومسلم.

“Hanya sanya bandar kita ini (Naisabur) telah mengeluarkan 3 tokoh hadis (iaitu) Muhammad bin Yahya, Ibrahim bin Abu Thalib dan Muslim.”

(Lihat ***Tahzib at-Tahzib***, 10/128.)

9. Imam Maslamah bin Qasim (353H) berkata:

ثقة جليل القدر من الأئمة.

“(Imam Muslim) seorang yang tsiqah (boleh dipercayai), mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan para imam hadis.” (Lihat ***Tahzib at-Tahzib***, 10/128.)

10. **Al-Hafizh Ibnu Asakir (571H)** berkata:

المحافظ، صاحب الصحيح، الإمام المبرز
والمصنف المميز، رحل وجمع، وصنف فأوسع.

“Seorang al-hafizh, penulis kitab **Shahih (Muslim)**, al-imam yang menonjol dan penulis yang cemerlang. Beliau merantau dan mengumpulkan hadis, juga mengarang lalu luas manfaatnya.” (Lihat **Tarikh Dimasyq**, 58/85.)

11. Imam Ibnu al-Jauzi (597H) berkata:

كان من كبار العلماء، وأوعية العلم.

“Beliau termasuk ulama’ besar dan wadah bagi ilmu.” (Lihat ***Al-Muntazham***, 12/171.)

12. Imam Nawawi (676H) berkata:

هو أحد أعلام هذا الشأن، وكبار المبرزين فيه،
وأهل الحفظ والإتقان، والرحالين في طلبه إلى
أئمة الأقطار والبلدان، والمعترف له بالتقدم فيه
بلا خلاف عند أهل الحذق والعرفان.

“Beliau salah seorang yang terkenal dalam bidang ini (hadis), pemuka yang terserlah dalamnya, ahli dalam hafazan (kerana kekuatan hafazan) dan itqan (ketelitian & kesungguhan), merantau dalam pencariannya (hadis) kepada para imam negeri dan negara, diakui menonjolnya dalamnya (ilmu hadis & periwayatannya) tanpa khilaf di sisi ahli yang berkemahiran dan berpengetahuan.” (Lihat

Muqaddimah Syarh Muslim, ms. 10.)

13. Imam Ibnu Khallikan (681H) berkata:

أحد الأئمة الحفاظ وأعلام المحدثين.

“Salah seorang imam, huffazh dan tokoh ahli hadis.”

(Lihat **Wafayat al-A'yan**, 5/194.)

14. Imam Az-Zahabi (748H) berkata:

هو الإمام الكبير، الحافظ، المجود، الحجة، الصادق.

“Beliau adalah seorang imam yang besar, seorang hafizh, *mujawwid*, *hujjah* dan *shadiq* (benar).”

(Lihat ***Siyar A'lam an-Nubala'***, 12/557.)

Imam Az-Zahabi berkata:

الإمام الحافظ، حجة الإسلام، أبو الحسين
القشيري النيسابوري، صاحب التصانيف.

“Al-Imam al-hafizh, hujjah al-Islam, Abu al-Husain al-Qusyairi an-Naisaburi, penulis banyak karangan.”

(Lihat ***Tazkirah al-Huffazh***, 2/125.)

Imam Az-Zahabi berkata:

المحافظ، أحد أركان الحديث.

“Al-Hafizh, salah seorang rukun (pemuka dan rujukan) dalam hadis.” (Lihat ***Al-'Ibar***, 1/375.)

15. **Al-Imam al-Hafizh Ibnu Hajar al-Asqalani (852H)**
berkata:

ثقة، حافظ، إمام، مصنف، عالم بالفقه.

“Seorang yang tsiqah (dipercayai), hafizh, imam,
pengarang dan alim dalam feqah.” (Lihat ***Taqrib at-
Tahzib***, ms. 529.)

WAFAT

Ahad, 25 Rejab 261H
(umur 55 tahun),
dikuburkan di Kampung
Nashr Abad, Naisabur.

KISAH KEWAFATAN

Ketika dalam satu majlis muzakarah (soal jawab) keilmuan, ada seseorang bertanya kepadanya tentang satu hadis yang beliau belum tahu tentangnya. Ketika balik ke rumah, beliau menyalakan lampu untuk mencari hadis tersebut dan beliau mengatakan kepada keluarganya untuk tidak dibenarkan seorang pun masuk ke dalam rumahnya. Ada seseorang memberikan sebakul kurma kepadanya. Beliau berusaha mencari hadis tersebut sambil memakan kurma satu persatu sehingga habis dan akhirnya beliau berjumpa hadis yang dicari. Dikatakan selepas peristiwa tersebut, beliau sakit yang membawa kepada kewafatannya.

(Lihat ***Tahzib al-Kamal***, 27/5-6-507, ***Al-Bidayah wa an-Nihayah***, 11/272, ***Tarikh Baghdad***, ***Tarikh Dimasyq*** & lain-lain.)